

# Kontraktor tempatan diseru eksport kepakaran ke luar negara

UM 20 DEC 2002

BINTULU 19 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu kontraktor dan juru perunding sektor pembinaan tempatan mengeksport kepakaran mereka ke luar negara memandangkan Malaysia telah membuktikan keupayaannya dalam melaksanakan projek-projek besar.

Perdana Menteri berkata, banyak projek yang dahulunya hanya mampu dilaksanakan oleh kontraktor dan perunding dari negara-negara maju, kini berjaya disiapkan oleh anak-anak tempatan sepenuhnya.

Beliau memberi contoh antara projek besar yang berjaya dilaksanakan dengan cemerlang oleh kontraktor tempat-

an ialah pembinaan jambatan dan lapangan terbang bertaraf antarabangsa.

“Kita kena yakin dengan kebolehan sendiri, malah kita ada sebab untuk berbangga dengan pencapaian sendiri kerana mampu melakukan banyak kerja yang dulunya kemampuan negara maju,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap merasmikan Lapangan Terbang Bintulu yang berharga RM385 juta di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, kemampuan syarikat pemaju tempatan menyiapkan projek tersebut setahun lebih awal boleh menarik perhatian negara luar untuk melakukan

projek yang sama di negara mereka.

Beliau menarik perhatian, Malaysia boleh mencontohi Korea Selatan dalam merangka pertumbuhan ekonomi yang pesat berasaskan industri pembinaan selaku sektor awal yang menjana banyak hasil eksport.

Pada sidang akhbar berikutnya, beliau menjelaskan, beberapa negara asing seperti India dan Kemboja telah pun menggunakan kepakaran syarikat kontraktor Malaysia.

Beliau bagaimanapun mengingatkan agar mereka dalam sektor pembinaan tidak sekadar mementingkan keuntungan ketika menjalankan projek.

Lapangan terbang tersebut

yang dijadual beroperasi sepenuhnya Mac depan, terletak kira-kira 23 kilometer di selatan bandar Bintulu dan mempunyai landasan terpanjang di Malaysia Timur iaitu 2.75 kilometer.

Serentak dengan perasmian hari ini, Dr. Mahathir turut menyaksikan pendaratan pesawat Boeing 747-400 Penerbangan Malaysia yang membawa lebih 100 tetamu kenamaan dari Kuching.

Lapangan terbang tersebut mempunyai lantai terminal utama seluas 10,000 meter persegi dengan jumlah tempat memakir sebuah pesawat Airbus A330, sebuah Boeing 737-400 dan tiga Fokker 50 pada satu-satu masa.